



SIARAN MEDIA

Untuk Siaran Segera

BANK ISLAM DAN PPZ-MAIWP BEKERJASAMA MEMPERKASA USAHAWAN MELALUI PROGRAM iTEKAD

KUALA LUMPUR, Jumaat, [23 Disember 2022]: Selaras dengan prinsip mendahulukan kemakmuran untuk semua, Bank Islam Malaysia Berhad (Bank Islam) hari ini memeterai satu memorandum persefahaman (MoU) dengan Pusat Pungutan Zakat, Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (PPZ-MAIWP) bagi memperkasakan agenda pembangunan usahawan pembiayaan mikro iTEKAD.

Pemeteraian MoU tersebut telah disempurnakan oleh Mohd Muazzam Mohamed, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Bank Islam dan Haji Abdul Hakim Amir Osman, Ketua Pegawai Eksekutif PPZ-MAIWP dalam satu majlis yang berlangsung di Kuala Lumpur.

Di bawah MoU tersebut, usahawan mikro yang juga merupakan pembayar zakat perniagaan PPZ-MAIWP, mempunyai peluang untuk memohon pembiayaan mikro iTEKAD, tertakluk kepada syarat kelayakan.

Dilancarkan pada Mei 2020, iTEKAD direka untuk membantu usahawan mikro yang tidak atau kurang mendapat perkhidmatan perbankan, mendapatkan modal yang diperlukan untuk mengembangkan perniagaan.

Dengan iTEKAD, usahawan mikro berpeluang untuk mencapai daya tahan kewangan, meraih pendapatan mampan dan seterusnya menyumbang kepada komuniti.

Bagi memastikan prestasi usahawan mikro dapat dipacu selepas menerima dana pembiayaan iTEKAD, Bank Islam turut menyediakan latihan keusahawan dan pengurusan kewangan berstruktur bagi memperkukuhkan kemahiran dan pengetahuan mereka. Rekod kredit yang baik serta dokumentasi perniagaan tersusun melalui program latihan akan mempersiapkan mereka ke arah mendapatkan kemudahan perbankan lain pada masa hadapan. Usahawan mikro yang layak juga boleh menerima geran dalam program ini.

Menerusi kerjasama PPZ-MAIWP, Bank Islam menyasarkan seramai 500 pembayar zakat PPZ-MAIWP yang layak akan mendapat kemudahan pembiayaan tersebut dalam tempoh 12 bulan akan datang.

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Bank Islam, Mohd Muazzam Mohamed berkata, "Program pembiayaan mikro iTEKAD sejajar dengan komitmen kami untuk memastikan aspek kemampanan dan nilai-nilai di bawah konsep pengurusan Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG) diambil kira dalam segenap operasi perniagaan. Sejak diperkenalkan pada tahun 2020, Bank Islam telah membantu lebih 510 usahawan mikro dengan melibatkan jumlah pembiayaan hampir RM8.5 juta di bawah program kewangan inklusif ini."

Beliau menambah, "Demi memastikan objektif program tercapai, Bank Islam telah menjalinkan kerjasama dengan 29 rakan pelaksana termasuklah Majlis Agama Islam Negeri, bagi memastikan usahawan terlibat menerima bantuan dan sokongan profesional untuk perniagaan yang berdaya tahan. Justeru, kami amat berterima kasih kepada PPZ-MAIWP atas kesudian untuk turut bersama kami memperluaskan lagi manfaat iTEKAD dengan membuka peluang kepada pelanggan yang merupakan pembayar zakat perniagaan untuk menikmati kemudahan ini. Bank Islam juga mengalu-alukan kerjasama yang sama dengan agensi kutipan zakat dari negeri-negeri lain."

Menurut Ketua Pegawai Eksekutif PPZ-MAIWP, Haji Abdul Hakim Amir Osman, "PPZ-MAIWP amat berbesar hati dan membuka pintu dengan mana-mana syarikat korporat mahupun agensi kerajaan dalam menjalinkan kerjasama strategik seumpama ini. MoU ini bukan sekadar permulaan strategik antara dua organisasi, PPZ-MAIWP dan Bank Islam, tetapi lebih sebagai penggalak dan pendorong untuk meningkatkan kerjasama baik yang sedia ada mahupun pada masa akan datang. Saya yakin bahawa dengan penyatuan kepakaran yang dimiliki oleh setiap pihak mampu memberi pelbagai manfaat kepada masyarakat."

"Sinergi antara PPZ-MAIWP dan Bank Islam ini juga adalah sebagai tanda penghargaan dan merupakan satu nilai tambah kami kepada pembayar zakat perniagaan, khususnya usahawan mikro, supaya dapat mengembangkan perniagaan mereka. Ini secara tidak langsung memastikan kitaran ekonomi terus berpanjangan," tambah Haji Abdul Hakim.

Mengenai Bank Islam Malaysia Berhad (No. Pendaftaran Syarikat [198301002944(98127-X)]

Bank Islam adalah institusi perbankan Islam pertama di Malaysia yang disenaraikan di Papan Utama, Bursa Malaysia Berhad. Ditubuhkan pada bulan Julai 1983 sebagai institusi perbankan Islam pertama di Malaysia, Bank Islam mempunyai 135 cawangan dan lebih daripada 900 terminal layan diri di seluruh negara. Sebagai institusi perbankan Islam lengkap dan tulen, Bank Islam menyediakan penyelesaian perbankan dan kewangan yang mematuhi undang-undang dan prinsip Syariah dengan ketat serta komited terhadap hasrat kemakmuran lestari dan nilai-nilai ESG. Anak syarikat utama Kumpulan Bank Islam adalah perintis dalam pelbagai perkhidmatan kewangan Islam, termasuk pelaburan dan pembrokeran saham, iaitu BIMB Investment Management Berhad dan BIMB Securities Sendirian Berhad. Untuk maklumat lebih lanjut mengenai produk dan perkhidmatan kumpulan Bank Islam, layari www.bankislam.com.

Untuk maklumat lanjut, sila emel ke: MediaRelationsEditorial@bankislam.com.my

Latar Belakang PPZ-MAIWP

Pusat Pungutan Zakat (PPZ-MAIWP) adalah sebuah agensi yang dilantik oleh Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) untuk mengutip zakat harta di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya. PPZ-MAIWP telah merevolusikan institusi zakat dengan memperkenalkan sistem kutipan zakat melalui institusi yang berciri korporat di negara Malaysia. Sejak penubuhan, PPZ-MAIWP telah berusaha menambah baik operasi dan perkhidmatan untuk meningkatkan kemudahan umat Islam dalam melaksanakan kefardhuan berzakat. Setakat ini PPZ-MAIWP telah menyediakan 9 saluran bayaran zakat bagi memberi pilihan dan kemudahan kepada umat Islam. Untuk maklumat lanjut, sila layari www.zakat.com.my.

Untuk pertanyaan lanjut, sila hubungi:

Norazlina Nordin

019 - 728 3839

azlina@zakat.com.my